

NO. SOALAN: 286

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

RUJUKAN : 7668

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan suspek yang ditahan kerana aktiviti militan, akta-akta yang digunakan dan langkah-langkah pencegahan.

JAWAPAN:

Berdasarkan rekod daripada pihak polis, sehingga 27 Februari 2015 pihak polis telah berjaya menahan sejumlah 68 orang yang mempunyai elemen-elemen penglibatan di dalam kegiatan militan ISIS di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959. Dari jumlah tersebut, seramai 24 orang telah dihadapkan ke Mahkamah di bawah SOSMA dan 6 orang telah dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah POCA.

Dalam usaha untuk mencegah pengaruh mana-mana kumpulan militan daripada terus berkembang, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia telah menjalankan beberapa usaha yang mana antaranya adalah dengan memantau aktiviti individu-individu yang sebelum ini pernah terlibat dengan kumpulan militan.

Di samping itu, pihak Kementerian dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia serta Agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) turut mengadakan beberapa siri program pemulihan kepada orang-orang tahanan dan ahli keluarga mereka. Kerjasama yang rapat juga turut diwujudkan dengan agensi-agensi risikan asing bagi membendung kemasukan elemen militan dari luar negara.

Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah dan terus menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium yang disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

SOALAN : 287

Dr. Tan Seng Giaw [KEPONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keadaan yang sebenarnya mengenai MH370, MH17 dan QZ8501. Apakah masalah dan cara mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah sukar untuk menentukan masalah sebenarnya insiden MH370, MH17 dan QZ8501. Masalah sebenarnya insiden-insiden ini akan hanya dapat dikenal pasti selepas tamatnya siasatan.